

**ANALYSIS OF HADITHS RELATED TO LITERATURE (POETRY) IN
IMAM AL-TIRMIDHI'S AL-SYAMAIL AL-MUHAMMADIYYAH**

**ANALISIS HADIS BERKAITAN DENGAN SASTERA (PUISI) DALAM KITAB
AL-SYAMAIL AL-MUHAMMADIYYAH KARYA IMAM AL-TIRMIDHI**

Nurhasma Muhamad Saadⁱ, Ab Adly Rabbanie Ab Rahimⁱⁱ, Wan Moharani Mohammadⁱⁱⁱ,
Yee Chin Yip^{iv} & Margaret Anthoney^v

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia. nurhasma@usim.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia. gs61292@student.upm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia. moharani@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia. cyee@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia. margaret@usim.edu.my

Article Progress

Received: 19 August 2025

Revised: 10 September 2025

Accepted: 30 September 2025

Abstract

The al-Syamail al-Muhammadiyyah is a great work by Imam al-Tirmidhi that compiles hadiths related to the characteristics of the Messenger of Allah PBUH from all aspects. This study presents an analysis of hadiths related to literature (poetry) in al-Syamail al-Muhammadiyyah and discusses the Prophet's view on literature, particularly poetry, based on authentic hadiths. These hadiths are found in chapter 37, namely "Bab Ma Jaa fi Sifat Kalam Rasulullah PBUH fi al-Syiir" (Chapter on What Has Been Related About the Nature of the Speech of the Messenger of Allah PBUH Regarding Poetry). There are nine authentic hadiths related to literature (poetry) based on al-Syamail al-Muhammadiyyah. This study employs a qualitative design with thematic and content analysis approaches, aiming to identify the principles and attitude of the Messenger of Allah PBUH towards poetry as stated in the hadiths. Six themes illustrate the Prophet's principles regarding literature (poetry) in this respective book. The Prophet PBUH gave parables using poetry, the Prophet PBUH praised poetry, poems that were once recited by the Prophet PBUH, the Prophet PBUH enjoyed listening to poetry recited by others, the Prophet PBUH listened to the poetry of Umayyah bin Abi Salt, and the Prophet's Poet. The findings of this study indicate that the Messenger of Allah PBUH recognized the artistic value of poetry as a medium for da'wah (propagation of Islam), education, and aesthetic expression, as long as it did not contradict the principles of Islamic creed and ethics. These findings contribute to a deeper understanding of the relationship between hadith, literature and da'wah.

Keywords: *al-Syamail al-Muhammadiyyah, al-Tirmidhi, Literature, Poetry, Da'wah.*

Abstrak	<i>Kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah merupakan karya agung karangan Imam al-Tirmidhi yang menghimpunkan hadis-hadis berkaitan perihal diri Rasulullah SAW dari segala aspek. Kajian ini mengemukakan analisis hadis-hadis yang berkaitan dengan sastera (puisi) dalam kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah dan membincangkan pandangan Rasulullah terhadap sastera khususnya puisi berdasarkan hadis sahih. Justeru, hadis-hadis ini terdapat dalam bab ke 37 iaitu "Bab Ma Jaa fi Sifat Kalam Rasulullah SAW fi al-Syiir". Terdapat 9 teks hadis yang berkaitan dengan sastera (puisi) berdasarkan kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah. 9 teks hadis tersebut adalah sahih. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan, bertujuan mengenal pasti prinsip dan sikap Rasulullah SAW terhadap puisi seperti yang dinyatakan dalam hadis. Sebanyak enam tajuk yang memaparkan prinsip Rasulullah SAW terhadap sastera (puisi) dalam kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah iaitu Nabi SAW memberi bidalan dengan syair (puisi), Nabi SAW memuji syair (puisi), syair-syair (puisi) yang pernah didendangkan oleh Nabi SAW, Nabi SAW menikmati dendangan syair (puisi) daripada orang lain, Nabi SAW mendengar syair (puisi) Umayyah bin Abi Salt dan Penyair Nabi SAW. Hasil kajian menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengiktiraf nilai seni puisi sebagai medium dakwah, pendidikan, dan pengucapan estetika, selagi tidak bertentangan dengan prinsip akidah dan adab Islam. Dapatan ini menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam tentang hubungan antara hadis, sastera dan dakwah.</i> Kata Kunci: <i>al-Syama'il al-Muhammadiyah, al-Tirmidhi, Sastera, Puisi, Dakwah.</i>
----------------	---

PENDAHULUAN

Hadis merupakan salah satu sumber utama Islam selepas al-Quran, yang mengandungi sabda, perbuatan dan persetujuan Nabi Muhammad SAW. Kandungan hadis tidak hanya bersifat hukum, tetapi juga penuh dengan keindahan bahasa, penggunaan *majaz* (kiasan), *tasybih* (perumpamaan), *isti'arah* (metafora), dan gaya retorik tinggi. Ini menjadikan hadis sebagai teks sastera Arab klasik yang mengandungi nilai estetik dan bahasa yang paling fasih selepas al-Quran (Widiyanti, 2020). Selain itu, hadis juga dikenali dengan gaya bahasanya yang istimewa, padat, jelas, dan indah.

Menurut Yasir Abdullah (2020) mengatakan bahawa gaya bahasa Nabi Muhammad yang digunakan dalam hadis menjadi model utama dalam perkembangan sastera Islam, khususnya dari segi keindahan bahasa (*balaghah*), ketepatan makna dalam ungkapan yang ringkas dan keseimbangan antara kejelasan dan kedalaman makna. Kenyataan ini telah dibuktikan bahawa Aisyah r.a pernah menegaskan bahawa Nabi SAW sentiasa bertutur dengan jelas dan terang, sehinggakan setiap orang yang mendengar dapat memahaminya. Beliau menyifatkan ucapan Nabi SAW sebagai "*kalaman faslan*", iaitu kata-kata yang jelas, tepat, dan bebas daripada kekaburan. Ulama seperti al-Munawi menjelaskan bahawa ucapan seperti ini mampu difahami oleh semua orang Arab tanpa perlu penjelasan lanjut. Hadis Nabi SAW tidak hanya menyampaikan hukum dan ajaran agama, tetapi juga menyumbang secara langsung kepada kecemerlangan sastera Arab-Islam, dan menjadi contoh unggul bagi para penyair, penulis dan pengkaji bahasa sepanjang zaman.

Namun begitu, perbincangan hadis tentang sastera (puisi) menjadi salah satu topik yang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Menurut Muiz (2016) mengatakan Islam tidak menolak puisi atas dasar ia adalah hasil seni, tetapi menilai puisi menurut tujuannya kerana Rasulullah SAW telah meletakkan garis panduan jelas bahawa puisi yang membawa hikmah, memperkukuh iman dan memperjuangkan *al-haqq* wajar dipelihara dan dikembangkan. Oleh itu, pendekatan Nabi SAW ini seharusnya menjadi panduan dalam

menilai dan menghidupkan kembali puisi sebagai salah satu medium penyebaran nilai murni dan dakwah islamiah.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat tiga subtopik yang akan dibincangkan di bahagian sorotan literatur ini. Antaranya ialah berkaitan pengenalan kepada Imam al-Tirmidhi, kitab *al-Syama'il al-Muhammadiyah* dan pandangan Islam terhadap sastera (puisi).

Imam Al-Tirmidhi

Imam al-Tirmidhi, tokoh hadis yang masyhur, merupakan penyusun kitab *Jami' al-Tirmidhi*. Nama sebenar beliau ialah Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak al-Sulami al-Darir al-Bughi al-Tirmidhi. Gelaran al-Sulami dinisbahkan kepada Bani Sulaym, iaitu satu kabilah daripada keturunan Qays 'Aylan. Manakala gelaran al-Tirmidhi pula merujuk kepada tempat asal beliau, iaitu Tirmiz (Turmuz), sebuah wilayah yang kini terletak di negara Tajikistan.

Tarikh kelahiran Imam al-Tirmidhi tidak dapat dipastikan secara tepat. Namun menurut pandangan Imam al-Dhahabi, beliau dilahirkan pada tahun 210 Hijrah. Imam al-Dhahabi juga menyatakan bahawa Imam al-Tirmidhi wafat pada usia 70 tahun, setelah mengalami sakit akibat kepenatan dalam perjalanan mencari dan menulis hadis. Para ulama bersepakat mengatakan bahawa Imam al-Tirmidhi wafat di Turmuz pada 13 Rejab tahun 279 Hijrah, bersamaan 892 Masihi (Nur al-Din, 1988).

Kitab Al-Syama'il Al-Muhammadiyah

Kitab *al-Syama'il al-Muhammadiyah* merupakan karya yang menghubungkan antara ajaran Islam dan keperibadian Rasulullah SAW dalam usaha membentuk umat yang unggul dari segenap aspek kehidupan. Kitab ini juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti *al-Syama'il*, *Syama'il al-Tirmidhi*, *al-Syama'il al-Tirmidhiyah*, *Syama'il al-Mustafa*, *al-Syama'il al-Muhammadiyah wa al-Khasa'il al-Mustafawiyah* dan *al-Syama'il al-Nabawiyah wa al-Khasa'il al-Mustafawiyah*.

Perkataan "*al-Syama'il*" adalah bentuk jamak daripada "*shimal*", yang menurut Ibn Manzur (1968), membawa maksud seseorang yang memiliki akhlak. Menurut Said bin 'Abbas al-Jamili, istilah "*syama'il*" bermaksud tabiat, akhlak dan kecerdikan. *Kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah* menghimpunkan hadis-hadis yang menggambarkan zat, keperibadian dan kesempurnaan Rasulullah SAW. Hadis-hadis ini dipilih oleh Imam al-Tirmidhi daripada pelbagai sumber seperti *al-Jami' al-Sahih*, *al-Kutub al-Sittah*, dan karya-karya berkaitan *Sirah Nabawiyah* (Taha Abd al-Rauf Saad, 2004).

Hakikatnya, kitab ini menghuraikan sifat-sifat Rasulullah SAW melalui dua aspek utama: *al-Khalq* dan *al-Khuluq*. *al-Khalq* merujuk kepada ciri-ciri fizikal dan luaran Rasulullah SAW seperti rupa wajah, rambut, cara berjalan, dan sebagainya. Manakala, *al-Khuluq* pula merujuk kepada sifat-sifat dalaman dan akhlak Baginda SAW yang tidak dapat dilihat secara zahir seperti ilmu, hikmah, dan budi pekerti.

Imam al-Tirmidhi telah menyusun kandungan kitab ini dalam 56 bab, dengan setiap bab menampilkan tajuk yang memberi petunjuk ringkas terhadap isi kandungannya. Terdapat sebanyak 415 teks hadis, termasuk hadis-hadis yang berulang, yang meliputi hadis *qawliyyah* (sabdaan), *fi'liyyah* (perbuatan), *athar*, serta riwayat *mawquf* daripada para sahabat dan *tabiin*. Berbeza dengan karya beliau yang lain seperti *al-Jami'*, Imam al-Tirmidhi tidak menyatakan secara khusus status setiap hadis dalam kitab ini. Namun begitu, *Kitab al-Syama'il al-Muhammadiyah* tetap dianggap sebagai karya penting yang merangkumi kedua-dua aspek ilmu *riwayah* dan *dirayah* dalam bidang hadis (al-Tirmidhi, 2014).

Pandangan Islam Terhadap Sastera (Puisi)

Dalam peradaban Arab pra-Islam, puisi berfungsi sebagai medium utama komunikasi, dokumentasi sejarah, serta ekspresi estetika dan emosi. Berdasarkan kajian Muiz (2016)

mengatakan bahawa penyair memegang peranan penting dalam masyarakat sebagai pemelihara maruah kabilah dan penyampai pemikiran. Dengan kemunculan Islam, struktur nilai masyarakat berubah, menjadikan wahyu sebagai sumber mutlak petunjuk kehidupan. Ini mewujudkan keperluan untuk menilai kembali kedudukan puisi dalam masyarakat Islam yang baharu.

Walaubagaimanapun, sastera Arab mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan Islam, khususnya melalui al-Quran, hadis dan pandangan Rasulullah SAW. Ketiga-tiga sumber ini telah memainkan peranan besar dalam mencorakkan perkembangan sastera Arab, sama ada dari sudut bentuk mahupun isinya, terutamanya dalam genre puisi dan prosa (Rabi', 1974).

Hadis Rasulullah SAW membawa pengaruh besar dalam memperhalus penggunaan bahasa Arab. Ia membantu membuang elemen-elemen bahasa yang kasar dan tidak bersesuaian, lalu menggantikannya dengan gaya bahasa yang lebih sopan dan tersusun. Hadis juga menyumbang kepada pemantapan prosa Arab pada era Islam kerana sifatnya yang teratur, padat dan sarat dengan hikmah. Selain itu, hadis kekal relevan sepanjang zaman, dan terus dijadikan sumber penting oleh para pencinta bahasa dan penulis dalam menghasilkan karya yang bernilai (Khafaji, 1981).

Puisi merupakan sebahagian penting daripada kehidupan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Ia dianggap sebagai lambang kecerdikan, ketinggian seni dan maruah sesuatu kabilah. Puisi-puisi agung dalam *Muallaqat* menjadi bukti ketajaman fikiran dan keindahan bahasa yang dimiliki oleh bangsa Arab ketika itu. Para penyair diberi tempat yang mulia dalam masyarakat, dan puisi menjadi saluran untuk menyampaikan pemikiran serta nilai-nilai budaya. Kehadiran Islam membawa perubahan besar dalam keutamaan masyarakat. Tumpuan masyarakat beralih kepada persoalan akidah, pembinaan akhlak dan kesejahteraan sosial.

Walaupun begitu, puisi tidak dihapuskan sama sekali. Sebaliknya, Islam memberi arah baharu kepada puisi bukan lagi untuk bermegah atau mencela, tetapi sebagai saluran menyampaikan kebenaran, nilai-nilai luhur dan sebagai medium dakwah (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, 2020). al-Quran, dengan keindahan retorikannya, menjadi teladan agung dalam seni bahasa dan memberi inspirasi kepada para penyair dan penulis.

Menurut Ibn Khaldun (1967), aktiviti puisi sempat merosot pada awal Islam kerana masyarakat sibuk memahami wahyu dan melaksanakan tanggungjawab dakwah. Namun, setelah jelas bahawa Islam tidak melarang puisi secara mutlak, malah Rasulullah SAW sendiri menghargai puisi yang baik, maka puisi kembali subur dalam kalangan umat Islam. Puisi terus berkembang sebagai satu bentuk ekspresi seni yang selari dengan ajaran agama.

Sepertimana dalam kajian Widiyanti (2020) terdapat pelbagai pandangan terhadap syair, kerana hadis-hadis yang membicarakan tentang puisi dapat dikategorikan kepada dua iaitu hadis yang membenarkan puisi dan hadis yang melarangnya. Perbezaan ini menimbulkan persoalan tentang hukum menyusun dan melantunkan puisi dalam Islam.

Namun begitu, disimpulkan dalam kajian Muiz (2016) pandangan Islam terhadap puisi adalah bersifat seimbang. Puisi dibolehkan selagi ia tidak bertentangan dengan syariat dan digunakan untuk tujuan yang baik. Sebaliknya, puisi yang mengandungi unsur-unsur negatif adalah dilarang. Rasulullah SAW sendiri tidak menyusun puisi, namun baginda mengiktiraf hikmah yang terdapat dalam puisi yang baik. Berdasarkan kenyataan ini, puisi dibolehkan jika tidak menyalahi syariat, tidak merendahkan martabat manusia atau kaum muslimin, tidak melalaikan daripada ibadah atau membaca al-Quran (Azman et al., 2018).

Oleh itu, hadis Nabi SAW merupakan bukti keindahan bahasa dan keunggulan Baginda SAW berbanding penulis-penulis Arab yang lain. Ini menjadi tanda kenabian Rasulullah SAW, yang terdiri daripada susunan kata, frasa, dan ayat yang unik. Sehubungan dengan itu, hadis menunjukkan kesesuaian susunan tersebut dalam bentuk berirama (*syiir*) berbanding bentuk prosa. Ia juga menggambarkan perbezaan tahap kefasihan, keindahan bahasa dan gaya penyampaian antara Nabi SAW dan para sahabat (Firdaus, 2023).

Hadis Rasulullah SAW memainkan peranan besar dalam memperhalus dan memperkaya penggunaan bahasa Arab. Ia membantu menyingkirkan unsur bahasa yang

kasar dan tidak sesuai, lalu menggantikannya dengan ungkapan yang lebih halus, sopan dan teratur. Di samping itu, hadis turut memperkuat struktur prosa Arab pada zaman Islam menerusi gaya penyampaian yang padat, teratur dan sarat dengan nilai hikmah. Hadis terus relevan sepanjang zaman dan menjadi sumber rujukan utama bagi pencinta bahasa serta penulis dalam penghasilan karya bermutu (Suryadilaga, 2020).

Puisi merupakan elemen penting dalam kehidupan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Ia dianggap sebagai lambang kehalusan seni dan maruah sesuatu kabilah. Karya-karya seperti *Muallaqat* membuktikan ketajaman fikiran dan keindahan bahasa masyarakat Arab ketika itu. Para penyair mendapat kedudukan yang tinggi, dan puisi menjadi saluran utama menyampaikan pemikiran serta nilai budaya (Allen & Richards, 2006).

Kajian terhadap karya sejarah seperti *al-Aghani*, *al-Tabari*, *Ibn Hisham* dan lain-lain menunjukkan bahawa puisi tetap dihasilkan selepas kedatangan Islam. Ini membuktikan bahawa puisi tidak pernah pupus, sebaliknya hanya mengalami penurunan sementara kerana tumpuan masyarakat kepada pengukuhan akidah dan pembentukan umat Islam. *Ibn Khaldun* mengakui bahawa apabila umat Islam menyedari bahawa puisi yang baik tidak bertentangan dengan ajaran agama, mereka kembali menghasilkan puisi sebagaimana sebelumnya. Islam tidak menindas seni puisi, bahkan membimbingnya ke arah yang lebih beradab dan bermanfaat (*Al-Isfahani*, 2004).

Menurut *Ibn Salam* (1952), kegiatan puisi terpinggir buat seketika akibat keutamaan masyarakat terhadap jihad dan pemerintahan. Apabila keadaan stabil, puisi kembali berkembang, meskipun banyak karya disampaikan secara lisan tanpa dokumentasi yang sistematik. Kehilangan banyak karya lama bukan kerana penolakan terhadap puisi, tetapi kerana kekurangan usaha merekodkannya. Tanggapan bahawa Islam menolak puisi secara keseluruhan adalah kurang tepat. Islam hanya menolak puisi yang bersifat negatif, seperti yang menggalakkan maksiat, merosakkan akhlak atau meruntuhkan nilai murni.

Penyair yang menyalahgunakan bakat mereka untuk tujuan yang bercanggah dengan Islam dikecam oleh al-Quran kerana menyesatkan masyarakat dengan kata-kata yang sia-sia. Sebaliknya, penyair beriman yang menggunakan puisi untuk berdakwah, menyebarkan nilai-nilai akhlak dan kebenaran mendapat pengiktirafan. Rasulullah SAW sendiri mendengar dan menghargai puisi sahabat yang mengandungi mesej baik dan mulia. Menurut riwayat *Ibn 'Abbas* r.a, ayat al-Quran yang mengecam penyair ditujukan kepada golongan musyrikin, manakala penyair yang beriman dikecualikan.

Kesimpulan bagi kajian lepas bahawasanya al-Quran dan hadis, khususnya melalui kefasihan dan hikmah Rasulullah SAW, memberi arah baharu kepada perkembangan bahasa dan sastera Arab. Hadis memainkan peranan besar dalam memperhalus bahasa, manakala puisi diiktiraf sebagai medium dakwah jika kandungannya positif dan tidak bertentangan dengan syariat. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada analisis teks hadis yang berkaitan dengan sastera (puisi) dalam satu sumber hadis tertentu iaitu melalui kitab *al-Syama'il al-Muhammadiyah*. Banyak kajian menekankan peranan hadis dalam memperhalus bahasa secara umum, namun tidak meneliti secara langsung bagaimana hadis-hadis tersebut berinteraksi dengan unsur sastera (puisi) dari sudut tema, struktur dan nilai estetika.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah perpustakaan diaplikasi secara analisis dokumen dengan menganalisis kitab *al-Syama'il al-Muhammadiyah* yang merangkumi bab 37 iaitu "*Ma Jaa Min Kalam al-Nabi Fi al-Syiir*" dan selain merujuk kitab-kitab lain seperti *Jami' al-Tirmidhi*, *Fath al-Bari* Syarh *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Sejumlah sembilan (9) teks hadis telah dikumpul dalam bab ini. Hasil kajian mendapati sebanyak sembilan teks hadis berkenaan prinsip Rasulullah SAW terhadap sastera (puisi) telah dikumpul. Sembilan teks hadis itu adalah berstatus sahih.

Manakala sebanyak enam subtopik yang memaparkan prinsip Rasulullah SAW terhadap sastera (puisi) dalam kitab *al-Syama'il al-Muhammadiyah* iaitu Nabi SAW memberi bidalan dengan syair (puisi), Nabi SAW memuji syair (puisi), syair-syair (puisi) yang pernah didendangkan oleh Nabi SAW, Nabi SAW menikmati dendangan syair (puisi)

daripada orang lain, Nabi SAW mendengar syair (puisi) Umayyah bin Abi Salt dan Penyair Nabi SAW.

HASIL KAJIAN

Bil	Awal Matan	Perawi hadis	No hadis	Status hadis	Sumber
1	...ويأتيك بالأخبار من لم تزود..	Aishah r.a	244	<i>Sahih</i>	<i>Jami al-Tirmidhi</i>
2	... إن أصدق كلمة ما قالها الشاعر...	Abu Hurairah	245	<i>Sahih</i>	<i>Sahih al-Bukhari</i>
3	...”هل أنت إلا إصبع دميت....	Jundub bin Abdullah bin Sufian al-Bajaliy	246	<i>Sahih</i>	<i>Sahih al-Bukhari</i>
4	...أنا النبي لا كذب...	Al-Bara' bin A'zib	247	<i>Sahih</i>	<i>Jami al-Tirmidhi</i>
5	...خل عنه يا عمر!...	Anas bin Malik	248	<i>Sahih</i>	<i>Jami al-Tirmidhi</i>
6	...جالست النبي أكثر من مائة مرة...	Jabir bin Samurah	249	<i>Sahih</i>	<i>al-Mu'jam al-Kabir</i>
7	...أشعر كلمة تكلمت بها العرب...	Abu Hurairah	250	<i>Sahih</i>	<i>Sahih Muslim</i>
8	كنت ردف رسول الله.....”هيه”...	al-Sharid	251	<i>Sahih</i>	<i>al-Mu'jam al-Kabir</i>
9	“كان رسول الله يضع...”	Aishah r.a	252	<i>Sahih</i>	<i>Jami Al-Tirmidhi</i>

Jadual 1: Koleksi Hadis Berkaitan Dengan Sastera (Puisi) Dalam Kitab *al-Syamail al-Muhammadiyah*

Menerusi koleksi hadis di atas menunjukkan prinsip dan pandangan Rasulullah SAW terhadap sastera (puisi). Antaranya adalah Nabi SAW memberi bidalan dengan syair (puisi), Nabi SAW memuji syair (puisi), syair-syair (puisi) yang pernah didendangkan oleh Nabi SAW, Nabi SAW menikmati dendangan syair (puisi) daripada orang lain, Nabi SAW mendengar syair (puisi) Umayyah bin Abi Salt dan Penyair Nabi SAW.

NABI SAW MEMBERI BIDALAN DENGAN SYAIR (PUIISI)

Hadis 244

{عن عائشة قالت: قيل لها: هل كان النبي ﷺ يتمثل بشيء من الشعر؟ قالت: كان يتمثل بشعر ابن رواحة. ويتمثل، ويقول: (ويأتيك بالأخبار من لم تزود)}

Maksudnya, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “sesungguhnya Allah membenci tiga perkara bagi kamu: berkata itu dan ini, mensia-siakan harta dan banyak bertanya (soalan

yang tidak relevan)" (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bab Qawlillah Ta'ala "La Yas'alun al-Nas Ilhafan"*. 1477).

Hadis ini menceritakan bahawa Nabi SAW pernah mengungkapkan syair yang diketahui oleh Baginda SAW sebagai bidalan bagi maksudnya. Antara syair yang pernah Baginda SAW ungkapkan ialah syair Abdullah bin Rawahah seperti berikut:

{ سَتَبْدِي لَكَ الْأَيَّامَ مَا كُنْتَ جَاهِلًا وَيَأْتِيكَ بِالْأَخْبَارِ مَنْ لَمْ تَزُودْ }

Maksudnya, "Hari-hari yang mendatang akan memperlihatkan sesuatu yang kamu tidak mengetahui, Dan orang yang kamu tidak berikan bekalan untuk musafir akan membawa berita kepada kamu benda-benda baru".

Syair ini ialah syair daripada penyair Jahili iaitu Tarfah bin al-Abd al-Bakri, seorang penyair zaman jahiliyah yang terkenal. Ia termasuk dalam kumpulan puisi masyhur yang dikenali sebagai *Muallaqat*, iaitu syair-syair hebat yang pernah digantung di Kaabah sebagai tanda keagungan sastera Arab ketika itu. Dalam satu riwayat lain seperti yang terdapat dalam Musnad Ahmad, Sayyidatina Aishah r.a. secara langsung menyandarkan bait ini kepada Tarfah sendiri.

Makna kiasan yang tersirat dalam syair ini menggambarkan keadaan apabila seseorang yang kita percayai dihantar untuk memperoleh maklumat dan dibekalkan dengan segala keperluan bagi melaksanakan tugas tersebut. Namun, akhirnya maklumat yang diharapkan tidak dibawa oleh orang yang dihantar, sebaliknya diperoleh daripada individu lain yang langsung tidak diberi amanah atau sokongan untuk tugas itu.

Daripada hadis ini, kita dapat mengambil pengajaran bahawa syair-syair (puisi) yang baik boleh dilafazkan dan digunakan walaupun ia berasal daripada penyair bukan Islam. Ini dibuktikan apabila Nabi SAW sendiri menggunakan syair karya Tarfah, seorang penyair zaman jahiliyah sebagai contoh dalam sabdanya. Ia juga menunjukkan keharusan menggunakan perumpamaan atau kiasan yang indah bagi memperkukuh maksud ucapan, selagi kandungannya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, syair bukanlah sesuatu yang semestinya tercela dalam pandangan Islam (Muiz, 2016). Nabi Muhammad SAW tidak mengharamkan syair secara mutlak, sebaliknya baginda mengiktiraf nilai dan peranan syair yang mengandungi unsur hikmah, kebenaran, serta nilai-nilai murni. Syair sebegini bukan sahaja dibenarkan, malah turut dipuji dalam Islam.

Hadis 245

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنْ أَصْدَقَ كَلِمَةً قَالَهَا الشَّاعِرُ كَلِمَةً لَبِيدٍ: أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مَا خَلَا اللَّهَ بَاطِلٌ. وَكَادَ أُمَيَّةُ بْنُ أَبِي الصَّلْتِ أَنْ يَسْلَمَ }

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a beliau menceritakan, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya ungkapan paling benar yang diungkap oleh penyair ialah perkataan Labid: 'أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مَا خَلَا اللَّهَ بَاطِلٌ'. Ketahuilah, segala sesuatu yang lain daripada Allah adalah batil (akan musnah). Hampir-hampir lah (penyair) Umayyah bin Abi al-Salt menganut Islam."

Hadis 250

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَشْعَرُ كَلِمَةٍ تَكَلَّمْتُ بِهَا الْعَرَبُ كَلِمَةُ لَبِيدٍ: أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مَا خَلَا اللَّهَ بَاطِلٌ }

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a, daripada Nabi SAW yang bersabda: Kalimah syair terbaik yang diucapkan oleh orang Arab ialah kalimah Labid, iaitu:

: أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مَا خَلَا اللَّهَ بَاطِلٌ. Ketahuilah, segala sesuatu yang lain daripada Allah adalah batil (akan musnah)."

Dalam hadis di atas, Nabi SAW memuji syair daripada seorang penyair bernama Labid bin Rabi'ah al-Amiri yang mengungkapkan tentang sifat azali Allah (iaitu Tuhan yang akan kekal, tidak akan mati atau musnah sampai bila-bila). Nabi SAW memuji syair tersebut sebagai ungkapan paling benar kerana menepati ayat al-Quran dari surah al-Qasas:

﴿كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ﴾

Maksudnya, “Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan zat Allah” (al-Quran. Al-Qasas: 88).

Rangkap tersebut ada sambungannya iaitu:

{وَكُلُّ نِعْمٍ لَا مَحَالَةَ زَائِلٌ}

Maksudnya, “Dan setiap nikmat pastinya akan musnah.”

Labid yang dimaksudkan oleh Nabi SAW itu ialah Labid bin Rabi'ah al-'Amiri, seorang penyair besar zaman jahiliah. Beliau kemudiannya memeluk Islam ketika tiba bersama rombongan kaumnya bertemu Nabi SAW. (Al-Uthmani, 2006).

Beliau dikurniakan umur yang panjang oleh Allah swt 120 tahun: 60 tahun pertama dilaluinya dalam zaman jahiliah dan 60 tahun kedua dilaluinya dalam Islam. Sejak memeluk Islam, beliau tidak lagi mencipta syair. Apabila ditanya, kenapa? Beliau menjawab, “Cukuplah al-Quran bagiku.” Nabi SAW juga menyebut nama seorang penyair lagi iaitu Umayyah bin Abi al-Salt (Al-Uthmani, 2006; Ahmad, 2014).

Labid bin Rabi'ah ialah seorang penyair Arab dari zaman jahiliah yang terkenal dengan usianya yang sangat panjang, mencapai 145 tahun. Beliau sempat hidup pada zaman Rasulullah SAW, bahkan berpeluang memeluk Islam. Karya-karya syairnya dipenuhi dengan nilai-nilai murni seperti ajaran moral, adab, ketauhidan, sifat-sifat terpuji serta semangat tinggi untuk meraih kemuliaan.

Sebagai seorang penyair Islam, beliau menggunakan syair untuk menyampaikan dakwah, mempertahankan agama serta umat Islam, dan sumbangannya itu mendapat pujian daripada Rasulullah SAW. Baginda SAW mengiktiraf keistimewaannya sebagaimana disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim (Mustafa, 1994). Pengajaran daripada hadis ini ialah syair yang baik, terutama yang mengandungi nilai sejajar dengan ajaran al-Quran, boleh dipuji dan dilagukan selagi tidak bertentangan dengan syarak (Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, 2020).

Syair juga boleh berperanan sebagai medium dakwah yang berkesan dalam menyampaikan mesej Islam. Salah seorang sahabat Nabi SAW, Hassan bin Thabit r.a, terkenal menggunakan syairnya untuk membela Rasulullah SAW dan memperjuangkan Islam melalui bait-bait puisi.

SYAIR-SYAIR YANG PERNAH DIDENDANGKAN OLEH NABI SAW

Hadis 246

{عن جندب بن سفيان البجلي قال: أصاب حجر أصبع رسول الله صلى الله عليه وسلم فدميت، فقال: هل أنت إلا أصبغ دمي، وفي سبيل الله ما لقيت}

Maksudnya, “Diriwayatkan daripada Jundub bin Sufyan al-Bajali r.a beliau menceritakan: Seketul batu telah menimpa jari (kaki) Rasulullah SAW lalu berdarah, maka Baginda pun berkata (dengan mendendangkan satu syair): هل أنت إلا أصبغ دمي، وفي سبيل الله ما لقيت, Tidaklah engkau melainkan jari yang berdarah, di jalan Allahlah (dihitung pahala) bagi (luka) yang kamu temui itu.”

Hadis ini meriwayatkan tentang syair yang pernah diucapkan oleh Rasulullah SAW ketika jari kaki Baginda SAW mengalami luka akibat terkena batu. Menurut riwayat, syair tersebut asalnya dinisbahkan kepada Ibn Rawahah, yang pernah mengucapkannya dalam Perang Mu'tah. Setelah Jaafar gugur syahid dalam pertempuran tersebut, orang ramai

memanggil Ibn Rawahah untuk maju ke medan. Beliau pun mara berjuang hingga jarinya cedera, dan ketika itulah beliau melantunkan syair yang sebahagian baitnya turut disebut oleh Nabi SAW (Ibn Hajar al-Asqalani, 2019).

Hadis 247

{عن البراء بن عازب قال: قال له رجل: أفررت من رسول الله صلى الله عليه وسلم يا أبا عمار؟ فقال: لا والله ما ولى رسول الله صلى الله عليه وسلم، ولكن ولى سرعان الناس تلقتهم هوازن بالنبل ورسول الله صلى الله عليه وسلم على بغلته، وأبو سفيان بن الحارث بن عبد المطلب أخذ بلجامها، ورسول الله يقول: أنا النبي لا كذب، أنا ابن عبد المطلب }

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada al-Bara' bin 'Azib r.a beliau menceritakan: Seorang lelaki telah berkata kepadanya, "Adakah kamu semua melarikan diri meninggalkan Rasulullah SAW (pada hari Perang Hunain), wahai Abu 'Umarah (panggilan bagi al-Bara')? Maka ia pun menjawab: Tidak, demi Allah. Tidaklah Rasulullah SAW berganjak (maka sahabat-sahabat besarnya juga tidak berganjak), adapun yang berganjak (yakni melarikan diri) ialah orang-orang yang tergesa-gesa. Bani Hawazin menyerang hendap mereka dengan anak-anak panah. Ketika itu Rasulullah SAW sedang di atas baghalnya dan Abu Sufyan bin al-Harith memegang tali hidungnya. (Ketika kegawatan itu) Rasulullah SAW berkata (dengan bersyair):

أنا النبي لا كذب، أنا ابن عبد المطلب

Aku ialah Nabi, bukan berdusta, Akulah cucu Abdul Muttalib."

Hadis ini memaparkan kisah al-Bara' yang mengimbas kembali peristiwa dalam Perang Hunain, iaitu pertempuran antara kaum Muslimin dan Bani Hawazin yang berlaku sejurus selepas pembukaan Kota Makkah. Dalam fasa awal peperangan, tentera Islam dikejutkan dengan serangan hendap berupa panahan bertubi-tubi daripada pihak musuh, menyebabkan barisan tentera Islam menjadi porak-peranda dan ada yang bertempir melarikan diri. Namun begitu, para sahabat utama tetap teguh berdiri di sisi Rasulullah SAW.

Dalam suasana huru-hara itu, Baginda SAW melantunkan bait-bait syair yang membangkitkan semangat, sehingga berjaya mengumpulkan kembali barisan tentera yang berselerak. Hasil daripada keberanian dan kepimpinan Baginda SAW, tentera Islam akhirnya meraih kemenangan. Oleh itu, syair boleh dijadikan alat untuk membakar semangat dan membina kekuatan moral dalam kalangan para pejuang Islam (Ibn Hajar al-Asqalani, 2019).

NABI SAW MENIKMATI DENDANGAN SYAIR DARIPADA ORANG LAIN

Hadis 248

{عن أنس أن النبي صلى الله عليه وسلم دخل مكة في عمرة القضاء، وابن رواحة يمشي بين يديه، وهو يقول:

خلوا بني الكفار عن سبيله اليوم نضربكم على تنزيله

ضربا يزيل الهام عن مقيله ويذهل الخليل عن خليله

فقال له عمر: يا ابن رواحة، بين يدي رسول الله صلى الله عليه وسلم وفي حرم الله تقول الشعر، فقال صلى

الله عليه وسلم: خل عنه يا عمر، فلهي أسرع فيهم من نضح النبل }

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Anas r.a, beliau menceritakan: Nabi SAW memasuki Mekah semasa umrah qada', Ibn Rawahah r.a berjalan di hadapannya sambil mendendangkan syair:

خلوا بني الكفار عن سبيله اليوم نضربكم على تنزيله
ضربا يزيل الهام عن مقيله ويذهل الخليل عن خليله

Jauhilah wahai anak-anak kafir dari jalannya, Hari ini kami akan memukul kamu (jika kamu menetapkan halangan) terhadap persinggahan Nabi (yakni persinggahan Muhammad di Mekah). Pukulan yang akan menanggalkan kepala dari tempatnya (yakni tengkuk), Dan menjadikan seorang kekasih lupa akan kekasihnya. Lalu Umar r.a berkata kepadanya: (Patutkah) kamu mendendangkan syair di hadapan Rasulullah SAW dan ketika di kawasan haram pula? Lantas Nabi SAW: Biarkanlah kepadanya wahai Umar, kerana ia (yakni ungkapan syair itu) lebih pantas menikam mereka daripada lontaran anak panah (kepada mereka) (al-Nasai, 2011).

Dalam hadis yang diriwayatkan ini, Nabi SAW berada dalam satu perjalanan ke Kota Mekah untuk menunaikan umrah qada' bersama para sahabat Baginda, yang berlaku pada tahun ketujuh Hijrah. Ketika rombongan itu memasuki kota suci tersebut, salah seorang penyair yang rapat dengan Nabi SAW, iaitu Abdullah bin Rawahah, mula melantunkan syair.

Sayyidina Umar r.a yang turut serta dalam rombongan tersebut berasa tidak bersesuaian untuk syair didendangkan dalam keadaan itu di hadapan Nabi SAW dan lebih-lebih lagi di Tanah Haram. Beliau berniat untuk menghentikan Abdullah. Namun, Baginda SAW meminta agar Umar membiarkannya. Baginda SAW menjelaskan bahawa bait-bait syair yang dibacakan itu lebih tajam dan memberi kesan mendalam kepada musuh Quraisy berbanding serangan dengan senjata. Oleh itu, dibenarkan untuk mendengar syair yang membawa kebaikan dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebaliknya, syair yang membawa unsur negatif tidak wajar didengarkan apatah lagi dipersembahkan.

Menurut pandangan Syeikh al-Baijuri, hadis ini menjadi bukti bahawa melantunkan dan menikmati syair-syair yang mengajak kepada kebaikan, memuji Islam, dan mendidik jiwa adalah sesuatu yang dibenarkan, malah boleh dianggap sebagai sunat. Syair juga boleh menjadi alat yang sangat berkesan dalam menyemarakkan semangat juang umat Islam serta melemahkan semangat musuh, kerana Nabi SAW sendiri mengiktiraf kekuatan mesej dalam syair. Syeikh Samih Abbas r.a pula menyatakan bahawa hadis ini memberi petunjuk tentang keharusan melantunkan syair di dalam Masjidilharam dan juga masjid-masjid lain secara umum, dengan syarat ia dilakukan tanpa unsur nyanyian atau hiburan yang melalaikan (Ahmad, 2014).

Hadis 249

{عن جابر بن سمرة قال: جالست النبي صلى الله عليه وسلم أكثر من مائة مرة وكان أصحابه يتناشدون الشعر ويتذكرون أشياء من أمر الجاهلية وهو ساكت وربما تبسم معهم}

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Jabir bin Samurah r.a beliau menceritakan: "Aku duduk bersama Nabi SAW telah 100 kali. Sahabat-sahabatnya saling mendendangkan syair (di hadapan) dan saling (bercerita) mengingati beberapa kisah silam dari zaman jahiliah, sedangkan Baginda SAW senyap sahaja (tidak menyampuk) dan kadang-kadang Baginda SAW turut tersenyum bersama mereka."

Hadis ini menggambarkan betapa mesranya hubungan Rasulullah SAW dengan para sahabatnya. Baginda SAW bukan sahaja bergaul dengan mereka, bahkan turut memberi perhatian terhadap syair-syair yang mereka dendangkan serta kisah-kisah lama dari zaman jahiliah yang mereka ceritakan. Kadangkala Rasulullah SAW hanya mendengar tanpa menyampuk, dan ada waktunya Baginda SAW tersenyum sebagai tanda menghargai perkongsian mereka. Oleh itu, hadis ini menunjukkan kebenaran untuk mendengar syair yang baik, meskipun kandungannya berkaitan dengan cerita-cerita dari zaman jahiliah, asalkan tidak bertentangan dengan prinsip Islam.

Hadis 251

{عن عمرو بن الشريد، عن أبيه قال: كنت ردف النبي صلى الله عليه وسلم فأنشدته مائة قافية من قول أمية بن أبي الصلت الثقفي، كلما أنشدته بيت، قال لي النبي صلى الله عليه وسلم: هيه حتى أنشدته مائة -يعني بيتا-، فقال النبي صلى الله عليه وسلم: إن كاد ليسلم}

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada al-Syarid yang menceritakan, "Aku berada di belakang Nabi SAW (di atas seekor binatang tunggangan), lalu aku mengalunkan untuknya 100 bait syair daripada syair Umayyah bin Abi al-Salt al-Thaqafi. Setiap kali aku mengalunkan satu bait, Baginda berkata kepadaku, "Alunkan lagi", sehinggalah aku mengalunkan untuk Baginda 100 bait. Lalu Baginda berkata, "Hampir ia menjadi muslim."

Hadis ini meriwayatkan peristiwa ketika Nabi Muhammad SAW mendengar al-Syarid, seorang sahabat, mendendangkan syair karangan Umayyah bin Abi al-Salt. Baginda SAW begitu tertarik dengan syair tersebut sehingga meminta al-Syarid menyambung bacaan, hingga mencecah seratus bait.

Umayyah bin Abi al-Salt ialah seorang penyair terkenal dari zaman jahiliyah. Beliau hidup pada era kemunculan Islam dan dikenali sebagai seorang yang kuat beribadat serta percaya kepada hari kebangkitan, namun beliau tidak memeluk agama Islam. Meskipun begitu, Rasulullah SAW tetap menghargai hasil karyanya dan gemar mendengar syair-syair yang dilagukan oleh beliau (Ibn Qutaibah. 2015; Al-Uthmani 2006).

Para ulama menjelaskan bahawa Rasulullah SAW menyukai syair-syair Umayyah kerana ia mengandungi unsur keimanan seperti pengesaan Allah dan kepercayaan kepada hari akhirat. Maka, hadis ini menjadi dalil bahawa syair yang baik dan membawa maksud yang benar boleh didendangkan dan didengar walaupun hasil karya itu bukan dari seorang muslim. Imam al-Nawawi turut menyebut bahawa syair yang tidak mengandungi unsur lucah atau keji tidaklah dicela, melainkan jika seseorang terlalu banyak menghabiskan masa dengan mendendangkannya. Sekiranya syair itu dibaca secara sederhana, tidaklah menjadi kesalahan untuk didengar, dihafal, atau dilagukan (Ahmad, 2014).

PENYAIR NABI SAW**Hadis 252**

{عن عائشة، قالت: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يضع لحسان بن ثابت منبرا في المسجد يقوم عليه قائما يفاخر عن رسول الله صلى الله عليه وسلم -أو قال: ينافح عن رسول الله صلى الله عليه وسلم- ويقول صلى الله عليه وسلم: إن الله يؤيد حسان بروح القدس ما ينافح أو يفاخر عن رسول الله صلى الله عليه وسلم}

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Aishah r.ha. Beliau menceritakan: Rasulullah SAW telah menyediakan untuk Hassan bin Thabit r.a satu mimbar (tempat tinggi) di masjid untuk beliau berdiri di atasnya (bagi mengalunkan syair) untuk memuji Rasulullah SAW atau membela atau mempertahankan Baginda. Baginda SAW berkata: Allah telah meneguhkan Hassan dengan Roh Qudus (yakni Malaikat Jibril) selama ia memuji atau membela Rasulullah SAW."

Hadis ini menggambarkan bagaimana Nabi Muhammad SAW memberikan tempat istimewa kepada penyairnya, Hassan bin Thabit r.a, dengan menyediakan mimbar khas di dalam masjid. Tujuannya adalah untuk membolehkannya menyampaikan syair yang memuji dan mempertahankan Rasulullah SAW.

Hassan bin Thabit r.a, yang digelar Abu Walid al-Ansari al-Khazraji, merupakan antara tokoh penyair yang sangat dikenali sejak zaman jahiliyah lagi. Para penyair Arab, sama ada dari kawasan bandar mahupun luar bandar, mengakui keunggulan beliau dalam dunia puisi Arab.

Allah mengurniakan beliau usia yang panjang, iaitu 120 tahun. Separuh daripada hayatnya dilalui dalam zaman jahiliyah, manakala separuh lagi pada zaman Islam. Hassan bin

Thabit meninggal dunia semasa pemerintahan Khalifah Sayyidina Ali r.a. Selain beliau, terdapat dua lagi sahabat yang turut berperanan sebagai penyair Nabi SAW, iaitu Abdullah bin Rawahah r.a dan Kaab bin Malik r.a. Mereka turut menyumbang syair-syair yang mempertahankan Islam dan Rasulullah SAW daripada serangan lisan musuh-musuh Islam (Ahmad, 2014).

Syair yang baik boleh dijadikan alat untuk menyampaikan mesej agama, menyokong perjuangan Islam, dan mempertahankannya daripada serangan. Maka, dibolehkan menyampaikan syair di dalam masjid asalkan isinya baik dan disampaikan tanpa iringan alat muzik, bagi menjaga kehormatan dan kesucian rumah ibadah. Syair mempunyai kedudukan tersendiri dalam kehidupan umat Islam (Azman et al., 2018).

Dalam pelbagai majlis dan perhimpunan, syair sering digunakan sebagai alat untuk membangkitkan semangat, menyampaikan nilai murni, serta menambahkan keindahan dalam penyampaian. Rasulullah SAW tidak pernah melarang para sahabat daripada bersyair selagi ia tidak melalaikan daripada mengingati Allah dan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Ini menunjukkan bahawa syair yang disusun dengan tujuan yang baik dan selaras dengan ajaran agama tetap dihargai dalam tradisi Islam.

KESIMPULAN

Nabi Muhammad SAW menunjukkan penghargaan terhadap syair-syair (puisi) yang membawa mesej positif, menyokong nilai-nilai Islam, serta menyeru manusia ke arah kebaikan. Baginda SAW sendiri pernah melafazkan bait-bait syair yang dikenali olehnya, dan ada kalanya meminta para sahabat untuk mendendangkan syair di hadapan Baginda SAW. Antara syair yang mendapat tempat di hati Rasulullah SAW ialah hasil karya Umayyah bin Abi al-Salt, yang terkenal dengan kandungan puisi yang mengesakan Allah swt serta mempercayai hari kebangkitan.

Di samping itu, Rasulullah SAW turut mempunyai beberapa sahabat penyair yang memainkan peranan penting dalam mempertahankan Islam dan diri baginda daripada cercaan musuh melalui syair mereka. Antara tokoh yang menonjol dalam hal ini ialah Hassan bin Thabit, Abdullah bin Rawahah dan Kaab bin Malik. Dalam Islam, keindahan bahasa dalam syair bukanlah matlamat utama, sebaliknya yang lebih penting ialah maksud dan kesannya terhadap pembinaan akhlak serta pengukuhan iman. Islam menilai sesuatu karya bukan hanya pada susunan katanya, tetapi pada nilai yang dibawa dan tujuannya.

Syair boleh menjadi alat yang berkesan dalam pendidikan dan penyebaran kebaikan sekiranya disampaikan dengan niat yang ikhlas dan kandungan yang membawa kepada kebenaran serta memperingatkan manusia tentang tanggungjawabnya kepada Allah.

RUJUKAN

- Ahmad, A. F. (2014). *Asy-Syama'il Al-Muhammadiyah: Kenali Rasul kita Muhammad SAW – Menyingkap keperibadian & cara hidup insan mulia*. Telaga Biru.
- Al-Albani, M. N. (2006). *Shahih Sunan An-Nasa'i*. Z. Fathurrahman (Penterj). Pustaka Azzam.
- Al-Isfahani, A. F. (2004). *Kitab al-Aghani*. Dar Sader Publishers.
- Allen, R., & Richards, A. (2006). *Arabic Literature in the Post-Classical Period*. Cambridge University Press.
- Al-Nasai, A. S. (2011). *Sunan al-Nasai*. Al-Maktabah Al-Tawfikiya.
- Al-Tirmidhi, M. S. (2014). *Al-Syama'il Al-Muhammadiyah*. Al-Maktabah Al-Asriyyah.
- Al-Uthmani, M. T. (2006). *Takmilah Fath Al-Mulhim bi Syarh Sahih Al-Imam Muslim*. Dar Al-Qalam.
- Ibn Hajar al-Asqalani, A. A. (2019). *Fath Al-Bari Syarah Sahih Al-Bukhari*. Al-Abur Ibdah'.
- Ibn Manzur, M. M. (1968). *Lisan al-Arab*. Dar Sadir.
- Ibn Qutaibah. (2015). *al-Syair wa al-Syu'ara*. Dar al-Hadis.
- Ibn Salam, A. S. (1952). *Tabaqat Fuhul al-Syu'ara'*. Dar Al-Ma'arif.
- Ibnu Khaldun, A. R. (1967). *Al-Muqaddimah*. Dar Al-Kutub Al-Lubnani.
- Khafaji, M. A. M. (1981). *Al-Hayah Al-Adabiyah fi 'Asray Al-Jahiliyyah wa Sadr Al-Islam*. Dar Al-Kitab Al-Lubnani.

- Mustafa, D. (1994). *Kesusasteraan dalam Tamadun Islam*. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Rabi', S. H. (1974). *Fi Al-Adab Al-Islami wa Al-Umawi*. Dar al-Ma'arif.

Jurnal

- Aprilia, A., Azwar, S., & Adnan, M. Z. (2022). Nilai-Nilai Pendidikan Karakter dalam Kitab Al-Syama'il Muhammadiyah. *Equilibrium: Jurnal Pendidikan*, 10(1), 48–56.
- Azman, B., Abu Hassan, A., & Abdul Halim, A. (2018). Unsur-Unsur Akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 58–70.
- Firdaus, M. A. (2023). Linguistic Complexity in Hadith: An Examination of the Role and Origins of 'Al-kalimat Al-Mubtakirah' in Hadith. *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis*, 24(2), 425–450.
- Muiz, A. (2016). Puisi dalam Perspektif Hadis Nabi (Kajian Hadis Kontradiksi). *Reflektika: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 11(2), 85–105.
- Mukminin, M. A., & Azizah, I. (2022). Pendidikan Akhlak dalam Kehidupan Rasulullah ﷺ Perspektif Kitab Al-Syama'il Al-Muhammadiyah. *Gahwa*, 1(1), 33–49.
- Suryadilaga, A. (2020). Tradisi pemahaman hadis dalam kitab Gharib al-Hadis dan transformasinya ke tradisi kitab syarah hadis. *Nabawi: Journal of Hadith Studies*, 1(1), 1–22. <https://doi.org/10.55987/njhs.v1i1.6>
- Widiyanti, L. E. (2020). Penelitian Rasulullah Terhadap Syair. *OSF Preprints*, 1–13. <https://doi.org/10.31219/osf.io/6yh3p>

Prosiding

- Nur Naadhirah, Z, Nor Azrah, B. R, Nurul Husna, M. S., & Mohd Zahir, A. R. (2024). *Analisis Hadis-Hadis Ibadah Rasulullah ﷺ dalam Kitab Al-Syama'il Al-Muhammadiyah Karya Imam al-Tirmidhi dan Kaitannya dengan Kesehatan Mental dan Fizikal*. E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 20–23 Januari 2024.
- Rohani, M. M., & Yusoff, A. S. (2015). *Tahap Kesiediaan Pelajar dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan (TPACK) dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT*. Prosiding 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science, Pulau Pinang.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.